



KIT KETIDAKPATUHAN SIVIL

**PANDUAN KETIDAKPATUHAN SIVIL
OLEH AMNESTY INTERNATIONAL**

**AMNESTY
INTERNATIONAL**



ISIKANDUNGAN



PENGENALAN

PENGENALAN KEPADA KETIDAKPATUHAN SIVIL

DEFINISI

PERSIMPANGAN ANTARA TINDAKAN KEGANASAN TIDAK LANGSUNG
DAN KETIDAKPATUHAN SIVIL



PRINSIP-PRINSIP PANDUAN

5 LANGKAH UNTUK PENGLIBATAN DALAM KETIDAKPATUHAN SIVIL

LANGKAH 1: MENYEDIAKAN ORGANISASI ANDA UNTUK KETIDAKPATUHAN SIVIL

LANGKAH 2: MEMBUAT KEPUTUSAN TENTANG TAKTIK DAN KELULUSAN

LANGKAH 3: BERSIAP SEDIA UNTUK MELAKSANAKAN TAKTIK

LANGKAH 4: PELAKSANAAN TAKTIK

LANGKAH 5: SUSULAN DAN PENILAIAN



LAMPIRAN

LAMPIRAN A: PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN

LAMPIRAN B: SUMBER

3

4

5

7

9

16

17

19

24

31

33

35

35

36

© Amnesty International 2024

Kecuali jika dinyatakan sebaliknya, kandungan dalam dokumen ini dilesenkan di bawah lesen Creative Commons (atribusi, bukan komersial, tiada derivatif, antarabangsa 4.0).

<https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/legalcode>

Untuk maklumat lanjut, sila layari halaman kebenaran di laman web kami: www.amnesty.org

Apabila bahan dikaitkan dengan pemilik hak cipta selain daripada Amnesty International bahan ini adalah tidak tertakluk kepada lesen Creative Commons.

Pertama kali diterbitkan pada tahun 2024 oleh Amnesty International Ltd
Peter Benenson House,
1 Easton Street London WC1X 0DW, UK

Indeks: ACT 10/7471/2024

Bahasa asal: Bahasa Inggeris

amnesty.org

Foto muka depan: *Penunjuk perasaan bertembung dengan pihak polis semasa demonstrasi membantah reformasi cukai yang dicadangkan oleh Presiden Colombia, Ivan Duque, di Bogota, 28 April 2021.*

© 2021 AFP

**AMNESTY
INTERNATIONAL**



PENGENALAN

Kit ini menyediakan panduan tentang masa dan cara yang baik untuk melibatkan diri dalam ketidakpatuhan sivil sambil mengekalkan kewajipan sesebuah organisasi dalam menjaga kakitangan yang bertindak atas seruannya di samping mengurangkan risiko terhadap organisasi dari sudut reputasi, kewangan, undang-undang dan lain-lain. Ia diadaptasi daripada kit dalam Amnesty mengenai ketidakpatuhan sivil (ACT 10/6363/2023) yang merangkumi panduan dasar terperinci dan sumber dalaman. Kakitangan Amnesty dinasihatkan untuk menggunakan versi dalaman.

Kit ini ditujukan kepada organisasi yang mempertimbangkan penggunaan ketidakpatuhan sivil. Ia menetapkan prinsip utama apabila terlibat dalam ketidakpatuhan sivil dan langkah-langkah untuk menggunakan ketidakpatuhan sivil dengan berkesan, termasuk perancangan, penilaian risiko, membuat keputusan, pelaksanaan dan penilaian keseluruhan. Walaupun kit ini memfokuskan kepada ketidakpatuhan sivil, ia juga boleh digunakan untuk sesetengah kes Tindakan Langsung Tanpa Keganasan (NVDA) yang mempunyai risiko lebih tinggi.

Prinsip yang digariskan dalam kit ini boleh digunakan untuk mana-mana taktik ketidakpatuhan sivil daripada peringkat perancangan hingga pasca pelaksanaan, terutamanya apabila ia termasuk dalam kategori risiko yang lebih tinggi di hujung spektrum. Ini juga



termasuk situasi di mana taktik ketidakpatuhan sivil digunakan secara reaktif atau sebagai tindak balas kepada hal ehwal semasa. Anda mungkin ingin menambah kepada panduan dan amalan yang sedia ada semasa menggunakan kit ini. Ini akan memastikan bahawa keselamatan dan integriti tidak terjejas semasa bertindak balas terhadap situasi tertentu dalam konteks tempatan.

↑ Kumpulan aktivis Extinction Rebellion memegang sepanduk dan pelekat semasa demonstrasi pada hari pertama dalam 'mogok iklim' selama seminggu di seluruh dunia, London, 20 September 2019. © 2019 Imej SOPA



Pengenalan kepada Ketidakpatuhan Sivil

Ketidakpatuhan sivil telah digunakan dalam sejarah sebagai taktik untuk meningkatkan kesedaran, menambah tekanan, dan mendorong perubahan. Aktivis di seluruh dunia telah menggunakan kaedah ketidakpatuhan sivil yang berbeza melalui Tindakan Langsung Tanpa Keganasan yang selalunya melibatkan pelanggaran undang-undang yang disengajakan. Piawai hak asasi manusia antarabangsa menyedari bahawa, tanpa mengira pelanggaran undang-undang negara, tindakan ketidakpatuhan sivil adalah satu bentuk perhimpunan dan, apabila dilaksanakan dengan cara yang tidak ganas, ia terangkum dalam skop hak asasi kebebasan hati nurani, bersuara dan perhimpunan aman.¹

Kebergantungan gerakan dan organisasi terhadap ketidakpatuhan sivil semakin meningkat, dan ini dijangka akan berterusan kerana isu-isu utama semasa seperti krisis iklim, ancaman terhadap hak pendatang dan pelarian, dan serangan yang semakin meningkat terhadap hak asasi manusia yang didorong oleh politik demonisasi.

BAGAIMANA AMNESTY MELAKUKANNYA

Amnesty hanya terlibat dalam tindakan ketidakpatuhan sivil apabila ia tindakan sivil tanpa keganasan yang melibatkan pelanggaran undang-undang domestik yang disengajakan yang dilakukan dengan tujuan untuk membawa perubahan kepada hak asasi manusia. Amnesty komited untuk tidak menggunakan atau menyokong keganasan, kebencian atau diskriminasi dalam taktik kempenya, termasuk ketidakpatuhan sivil. Oleh itu, apabila Amnesty terlibat dalam ketidakpatuhan sivil, prinsip prinsip ini mesti sentiasa dipatuhi iaitu prinsip tanpa kekerasan, anti kebencian dan tanpa diskriminasi.

¹ Lihat: Jawatankuasa Hak Asasi Manusia (HRC) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), [Ulasan Umum 37: Hak berhimpun secara aman \(Art. 21\)](#), 27 Julai 2020, Dokumen PBB. CCPR/C/GC/37, para. 16

DEFINISI

Tindakan Langsung Tanpa Keganasan (NVDA): Tindakan yang tidak menggunakan kekerasan fizikal terhadap individu, tidak menyebabkan orang lain takut akan penggunaan keganasan, atau menyokong keganasan atau diskriminasi. NVDA ialah istilah umum yang merangkumi ketidakpatuhan sivil serta aktiviti yang tidak melanggar undang-undang domestik. Ia meliputi spektrum aktiviti, daripada menulis surat dan mengumpul tandatangan petisyen, kepada perhimpunan, demonstrasi, dan aksi media, dan melanjutkan kepada aktiviti yang lebih berisiko seperti penyebaran sepanduk, mogok duduk dan tindakan ketidakpatuhan sivil.

Ketidakpatuhan Sivil: Tindakan ketidakpatuhan sivil melibatkan pelanggaran undang-undang domestik yang dirancang atas sebab hati nurani atau kerana ia dianggap sebagai cara paling berkesan untuk meningkatkan kesedaran, menyatakan perbezaan pendapat sosial atau politik atau untuk membawa perubahan. Sebagai contoh, penentangan terancang Rosa Parks apabila diberitahu untuk bergerak ke belakang bas pada peringkat permulaan Pergerakan Hak Sivil sebagai satu cara untuk menentang pengasingan kaum.

Ketidakpatuhan Sivil Besar-besaran: Ketidakpatuhan sivil kadangkala boleh melibatkan beberapa kumpulan besar yang menganjurkan aktiviti untuk tujuan yang sama. Contohnya seperti sekatan besar-besaran terhadap bangunan atau kemudahan, atau keengganan besar-besaran untuk mematuhi undang-undang yang dianggap melanggar undang-undang dan piawaian hak asasi manusia. Apabila sesebuah organisasi merancang untuk terlibat dalam ketidakpatuhan sivil, ia boleh dianggap sebagai ketidakpatuhan sivil secara besar-besaran apabila ia mencapai skala di mana organisasi itu tidak dapat memberikan latihan langsung dan tidak memperoleh persetujuan bertulis daripada semua peserta.



↑ Rosa Parks duduk di bahagian hadapan bas, Montgomery, Alabama, Amerika Syarikat, 1956.
© Arkib Underwood



CONTOH:
KETIDAKPATUHAN SIVIL DI TAIWAN

Sunflower Movement adalah gerakan ketidakpatuhan sivil terbesar dalam sejarah Taiwan beberapa dekad lalu. Ia terletak dalam konteks hubungan sensitif antara Taiwan dan China dan bermula pada 2014 apabila Perundangan Yuan cuba meluluskan perjanjian perdagangan dengan China tanpa proses yang wajar. Terdapat kebimbangan bahawa ini mungkin membahayakan hak kebebasan bersuara dan hak ekonomi, sosial dan budaya

Pada 18 Mac 2014, orang ramai berkumpul di luar bangunan Perundangan Yuan di Taipei City dan ada yang mencerooboh masuk ke dalam dewan perundangan (dan terus menduduki bangunan ini sepanjang protes). Keesokan harinya, orang ramai berhimpun menuntut proses yang sewajarnya dan kerajaan menarik diri daripada perjanjian itu. Tidak lama selepas itu, seluruh negara digerakkan. Apabila keadaan berkembang, dengan kurangnya maklum balas daripada kerajaan, rakyat mula menduduki dataran dengan aman, dan kerosakan harta benda adalah kecil. Pada 25 Mac,



penunjuk perasaan yang berkumpul di luar Perundangan Yuan berdepan dengan penindasan kejam polis yang menyebabkan 150 orang cedera dan 61 orang ditangkap.

Ini mencetuskan protes pada 30 Mac yang disertai setengah juta orang dari

semua lapisan masyarakat (termasuk ahli masyarakat sivil, artis, guru). Kumpulan ibu bapa dan kanak-kanak dari Amnesty Taiwan turut menyertai pergerakan di luar Yuan Perundangan untuk menunjukkan sokongan kepada penunjuk perasaan yang terus menduduki bangunan itu sejak awal protes.


👁️ ↑ *Aktivist membantah Perjanjian Perdagangan Perkhidmatan Rentas Selat dengan menduduki dewan perundangan di Taiwan, 2014.*

© Yi Pan



PERSIMPANGAN ANTARA TINDAKAN LANGSUNG TANPA KEGANASAN DAN KETIDAKPATUHAN SIVIL

Ketidakpatuhan sivil boleh melibatkan pelanggaran undang-undang yang bercanggah dengan undang-undang antarabangsa, atau melanggar undang-undang yang selaras dengan undang-undang antarabangsa. Ini adalah faktor penting dalam tindak balas negara terhadap ketidakpatuhan sivil.



MELANGGAR UNDANG-UNDANG YANG BERCANGGAH DENGAN UNDANG-UNDANG HAK ASASI MANUSIA ANTARABANGSA

Beberapa tindakan ketidakpatuhan sivil melibatkan pelanggaran undang-undang yang dirancang dengan sengaja yang melarang pelaksanaan hak asasi manusia, menyekat ekspresi kepercayaan tertentu, atau yang juga bercanggah dengan undang-undang dan piawai hak asasi manusia antarabangsa. Ini termasuk, sebagai contoh, peraturan yang mengenakan larangan menyeluruh terhadap protes, atau undang-undang yang menjenayahkan aktiviti demonstrasi tanpa kebenaran pihak berkuasa terlebih dahulu.

MELANGGAR UNDANG-UNDANG YANG KONSISTEN DENGAN UNDANG-UNDANG HAK ASASI MANUSIA ANTARABANGSA

Tindakan ketidakpatuhan sivil yang lain mungkin melibatkan pelanggaran undang-undang domestik atas sebab hati nurani atau kerana ia dianggap sebagai cara paling berkesan untuk membantah atau menyatakan perbezaan pendapat, untuk mendapatkan perhatian orang awam dan menyumbang kepada perdebatan awam, atau untuk menghentikan atau mencegah pencabulan hak asasi manusia. Contoh undang-undang yang sering dilanggar dalam tindakan ketidakpatuhan sivil untuk tujuan ini termasuk undang-undang mengenai pencerobohan, menghalang jalan raya atau merosakkan harta benda. Selalunya, apabila berhadapan dengan ketidakpatuhan sivil jenis ini, kerajaan bertindak balas dengan mendakwa mereka yang terlibat dengan kesalahan jenayah berat yang tidak sepadan dengan tindakan mereka seperti kesalahan berkaitan keganasan, pengkhianatan atau pemberontakan.



CONTOH TAKTIK KETIDAKPATUHAN SIVIL

Walaupun taktik ketidakpatuhan sivil yang serupa digunakan di seluruh dunia, adalah penting untuk diingat bahawa perkara yang membentuk ketidakpatuhan sivil sangat bergantung pada konteks dan undang-undang tempatan. Sesuatu tindakan ketidakpatuhan sivil di satu negara mungkin bukan ketidakpatuhan sivil di negara lain. Berikut ialah beberapa contoh taktik yang boleh didapati dalam konteks yang berbeza, dikategorikan di bawah jenis pelanggaran undang-undang yang disebutkan di bawah:

Contoh melanggar undang-undang yang bertentangan dengan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa:

- Mengadakan protes jalanan semasa Darurat atau dalam konteks di mana hak kebebasan berhimpun secara aman disekat secara berlebihan
- Merakam kerajaan dan/atau penguatkuasaan undang-undang di mana ia dilarang
- Menunjukkan kasih sayang kepada umum oleh pasangan kuira atau sama jantina di mana ia dilarang



↑ Patung Edward Colston, seorang pedagang hamba pada akhir abad ke-17, ditolak ke dalam sungai Avon di Bristol, England, 2020.
© Giulia Spadafora/NurPhoto melalui Getty Images

- Berpakaian dengan cara yang dilarang
- Bertutur dalam bahasa minoriti atau amalan budaya yang dilarang
- Enggan ditugaskan menjadi tentera untuk berperang
- Tidak meminta kebenaran sebelum memprotes di mana kerajaan menetapkan bahawa kebenaran perlu diperoleh terlebih dahulu

Contoh melanggar undang-undang yang selaras dengan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa:

- Menduduki bangunan kerajaan dan sit-in fizikal
- Menduduki tanah persendirian atau bangunan milik sektor swasta dan syarikat atau menyekat pintu masuk
- Menyekat jalan dan lalu lintas
- Tidak membayar perkhidmatan (tambang bas, cukai)
- Lukisan grafiti di dinding awam
- Vandalisme dan eko-vandalisme
- Meruntuhkan patung

Sesetengah taktik boleh termasuk dalam mana-mana kategori, bergantung pada konteks:

- Menduduki tanah Orang Asli dan ekosistem alam sekitar yang penting untuk menghalang penjualan dan pembangunannya
- Menolak penangkapan dan penentangan pasif terhadap penguatkuasaan undang-undang semasa protes jalanan

Konteks dan komuniti tertentu akan mempunyai taktik dan strategi mereka sendiri yang mempunyai kepentingan budaya dan sejarah kepada mereka.

PRINSIP-PRINSIP PANDUAN

Ketidakpatuhan sivil adalah salah satu daripada banyak alat atau aktiviti yang boleh digunakan untuk berkempen untuk perubahan. Untuk kesan maksimum, ketidakpatuhan sivil sebaik-baiknya digunakan bersama-sama dengan pendekatan dan taktik lain untuk mengenakan tekanan ke atas pembuat keputusan, dan bukan sebagai suatu tindakan yang berdiri sendiri.

Tindakan ketidakpatuhan sivil harus berdasarkan penilaian menyeluruh tentang risiko kepada peserta dan risiko lain yang terlibat antaranya terhadap reputasi, kewangan, dan undang-undang. Faedah yang dijangkakan daripada tindakan itu harus melebihi risikonya, dan organisasi perlu memenuhi kewajiban moral dan undang-undangnya kepada mereka yang terlibat dalam tindakan itu dengan bersedia secukupnya untuk sebarang potensi risiko keselamatan, undang-undang atau risiko lain, dan dengan menyediakan sokongan sebelum, semasa dan selepas tindakan itu, seperti yang digariskan kepada mereka yang terlibat sebelum pelaksanaan tindakan.

Apabila menganjurkan, memudahkan atau menyokong tindakan ketidakpatuhan sivil, organisasi harus mempertimbangkan prinsip-prinsip utama yang akan mereka pakai dalam kerja mereka dan membincangkannya semasa membuat penilaian risiko, sebelum tindakan dilaksanakan. Ini boleh digunakan sebagai senarai semak apabila membuat keputusan untuk terlibat dalam tindakan ketidakpatuhan sivil.

1. KOMITMEN TERHADAP DASAR TANPA KEGANASAN DAN NILAI TERAS ORGANISASI

- ▶ Jangan gunakan atau menyokong keganasan, kebencian, atau diskriminasi.
- ▶ Selaras dengan undang-undang dan piawaian hak asasi manusia antarabangsa.
- ▶ Jangan mengobjektifikasi atau menstereotaip kumpulan tertentu.
- ▶ Ambil kira kesan negatif tindakan anda terhadap hak orang lain (contohnya, menyekat laluan pengangkutan yang boleh menyebabkan kemudaratan yang ketara kepada kehidupan kumpulan terpinggir atau mengambil tindakan yang boleh menjejaskan hak budaya orang lain, seperti melaksanakan tindakan di tapak kebudayaan atau keagamaan tanpa kebenaran).
- ▶ Apabila menganjurkan atau mengambil bahagian dalam tindakan ketidakpatuhan sivil yang merancang untuk menyebabkan kerosakan harta benda dengan sengaja, pertimbangkan tahap kerosakan dan sama ada ia munasabah dan wajar mengikut keadaan.²

² Mengikut polisi Amnesty, kerosakan pada harta benda dianggap sederhana apabila ia bersifat sementara, boleh berpatah balik atau mudah diganti. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa tanggapan ini berbeza mengikut konteks dan wilayah, dan oleh itu ia harus dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada penilaian risiko.

BAGAIMANA AMNESTY MELAKUKANNYA

Amnesty mengelak daripada menganjurkan atau mengambil bahagian dalam tindakan ketidakpatuhan sivil yang berniat menyebabkan kerosakan harta benda dengan sengaja, melainkan kerosakan itu dianggap sebagai sederhana, munasabah dan wajar mengikut keadaan²

CONTOH DARI AFRIKA SELATAN

Di Afrika Selatan, terdapat satu tradisi lama ketidakpatuhan sivil dalam bentuk protes, sejak era apartheid. Dalam banyak kes, apabila komuniti melobi dan cuba berdialog dengan pihak berkuasa, mereka tidak berjaya, dan tiada perubahan dilakukan. Ini menyebabkan segelintir kumpulan menggunakan taktik seperti merosakkan harta benda atau bangunan, menyekat jalan dan menduduki bangunan supaya pegawai kerajaan dan media memberi perhatian terhadap isu yang mereka hadapi. Ramai di kalangan masyarakat sivil yang berpendapat bahawa kerajaan, sebahagian besarnya, tidak bertindak balas atau memandang tuntutan secara serius sehingga berlaku kerosakan harta benda.

Pada 2015, aktivis muda mula mengetuai bantahan untuk menyokong lebih banyak akses dan pendidikan tinggi percuma untuk golongan muda dari pelbagai latar belakang

Amnesty Afrika Selatan memberikan sokongan kepada penunjuk perasaan melalui latihan memantau dan melaporkan pelanggaran hak asasi manusia semasa protes.



↑ Pelajar di Universiti Witwatersrand membantah di Afrika Selatan, 2021.
© Imej Gallo / Penyumbang



PRINSIP-PRINSIP PANDUAN

2. RISIKO STRATEGIK, PERLU, DAN TERHITUNG

- Anggaplah keterlibatan dalam ketidakpatuhan sivil sebagai tindakan atau alat tambahan yang anda boleh gunakan untuk berkempen untuk perubahan.
- Gunakan ketidakpatuhan sivil secara strategik seiring dengan pendekatan dan taktik lain.
- Pertimbangkan jika faedah yang dijangkakan daripada tindakan itu melebihi risikonya.
- Pertimbangkan jika tindakan ketidakpatuhan sivil adalah perlu dan berkadar dalam keadaan tertentu, sambil mengambil kira hak orang lain (contohnya, ia tidak sepatutnya menjejaskan kesihatan awam, keselamatan atau mata pencarian).
- Buat keputusan dengan berunding dengan semua pihak berkepentingan yang berkaitan yang mungkin terjejas oleh reaksi terhadap tindakan ketidakpatuhan sivil, dan dengan peguam khusus dalam bidang ini, di negara atau wilayah yang berkaitan.

3. BERDASARKAN PENTAKSIRAN TERHADAP SITUASI DAN KONTEKS

- Keputusan untuk terlibat dalam tindakan ketidakpatuhan sivil mesti bertunjangkan penilaian situasi dan konteks.
- Penilaian ini harus merangkumi analisis kuasa untuk memilih sasaran, cara, pemesejan, dan strategi keseluruhan, bagi setiap tindakan ketidakpatuhan sivil. Ini amat penting apabila tindakan ketidakpatuhan sivil menasarkannya syarikat, memandangkan risiko tambahan yang mungkin terpaksa dipikul oleh peserta dan organisasi – contohnya syarikat boleh memfailkan tuntutan mahkamah yang berat terhadap peserta.
- Apabila mempertimbangkan tindakan ketidakpatuhan sivil yang menasarkannya badan korporat pertimbangkan sama ada anda mempunyai bukti yang boleh dipercayai bahawa syarikat tersebut menyebabkan, menyumbang atau dikaitkan secara langsung melalui hubungan perniagaan, dengan isu yang anda kempenkan, atau berisiko berbuat demikian.

BAGAIMANA AMNESTY MELAKUKANNYA

Keputusan Amnesty untuk terlibat dalam tindakan ketidakpatuhan sivil adalah bertunjangkan penyelidikan dan dokumentasi pelanggaran hak asasi manusia yang cuba ditangani oleh akta itu.

Amnesti hanya diteruskan dengan tindakan keingkaran sivil yang menasarkannya aktor korporat apabila ia telah menubuhkan atau boleh bergantung pada bukti yang boleh dipercayai bahawa syarikat tersebut menyebabkan, menyumbang, atau dikaitkan secara langsung melalui hubungan perniagaan, kepada penyalahgunaan hak asasi manusia, atau berisiko berbuat demikian.



MELANGGAR UNDANG-UNDANG, ATAU TIDAK MELANGGAR UNDANG-UNDANG...?

Adalah penting untuk bertanya kepada diri sendiri sama ada kita boleh menghasilkan perubahan tanpa melanggar undang-undang, terutamanya jika ia berisiko tinggi. Terdapat banyak contoh kreatif di mana organisasi telah menemui titik manis di mana mereka hampir melanggar undang-undang. Menggunakan taktik kreatif, mereka boleh menyerlahkan bagaimana undang-undang tidak adil dan perlu diubah.

Salah satu contoh pendekatan ini ialah semasa Piala Dunia di Rusia pada 2018, di mana aktivis membantah larangan paparan awam bahan (termasuk bendera pelangi) yang didakwa “mempromosikan” homoseksualiti kepada golongan bawah umur. Para aktivis secara halus membantah undang – undang yang bersifat homofobik ini di mana setiap aktivis memakai baju bola sepak dengan warna yang berbeza. Apabila aktivis berdiri dalam barisan,



mereka mencipta bendera pelangi bersama-sama, walaupun tiada seorang pun daripada mereka secara individu mengibarkan bendera pelangi LGBTQI+. Bendera pelangi ini “tersembunyi” di hadapan mata.³

↑ Aktivis mencari jalan mengatasi larangan mempamerkan bendera Pride, dalam bentuk bendera rahsia yang diperbuat daripada baju bola sepak, di jalan-jalan Moscow semasa Rusia menjadi tuan rumah Piala Dunia 2018, Rusia, 2018.
© Bendera Tersembunyi

3 Berita ABC. “Aktivis Piala Dunia mengadakan bantahan bendera pelangi ‘tersembunyi’ di sekitar Moscow untuk memperjuangkan hak gay”, 11 Julai 2018.

PRINSIP-PRINSIP PANDUAN

4. TANGGUNGJAWAB UNTUK BERHATI-HATI, USAHA WAJAR, DAN HAK ASASI PESERTA

- Tunaikan kewajiban anda untuk berhati-hati dalam mengambil tindakan kepada semua peserta dalam tindakan ketidakpatuhan sivil yang anda anjurkan, bantu atau sahkan, termasuk dalam usaha bersama dengan organisasi lain yang menggalakkan aktivis anda untuk mengambil bahagian.
- Ambil semua langkah yang sesuai untuk mengurangkan risiko yang mungkin timbul akibat tindakan ketidakpatuhan sivil dan sediakan mekanisme yang diperlukan untuk bertindak balas terhadap keadaan sedemikian.
- Beri peserta garis panduan yang jelas tentang kemungkinan akibat dan cara untuk bertindak balas kepada mereka, termasuk pelan tindakan untuk apa yang perlu dilakukan apabila menghadapi masalah dan juga sokongan yang tersedia untuk mereka.
- Beri perhatian khusus kepada peningkatan risiko yang mungkin dihadapi oleh individu disebabkan oleh kepelbagaian identiti mereka (contohnya bangsa, etnik, jantina, orientasi seksual, identiti jantina, umur, ketidakupayaan, status imigresen), kerana tidak setiap individu menghadapi risiko yang sama apabila melibatkan diri dalam tindakan ketidakpatuhan sivil.
- Apabila ketidakpatuhan sivil berlaku dalam talian, beri perhatian khusus kepada risiko khusus tindakan sedemikian, termasuk keselamatan digital dan tindakan balas yang mungkin diambil oleh pemerintah terhadap jenis tindakan ini.

5. USAHA YANG WAJAR TERHADAP RAKAN-RAKAN SEPAKAT DAN PEMEGANG HAK⁴

- Pertimbangkan sebarang risiko yang mungkin timbul akibat penglibatan dalam ketidakpatuhan sivil dalam perkongsian dengan organisasi lain dan ambil kira perlindungan rakan sepakat dan sejarah penglibatan dalam ketidakpatuhan sivil yang terdahulu.
- Apabila tindakan ketidakpatuhan sivil dianjurkan bagi pihak pemegang hak, pertimbangkan maksud perkongsian tersebut dengan pemegang hak. Khususnya, pertimbangkan motivasi di sebalik penglibatan dalam tindakan ketidakpatuhan sivil dan hubungannya dengan pemegang hak yang ingin dimanfaatkan melalui tindakan tersebut.
- Apabila merancang tindakan ketidakpatuhan sivil bagi pihak pemegang hak, berikan mereka jaminan penglibatan dan penyertaan dari peringkat awal perancangan. Anda mungkin mempunyai keistimewaan hasil daripada cara organisasi anda dilihat oleh orang lain dan ramai dalam organisasi anda mungkin mendapat manfaat daripada keistimewaan kaum/kelas. Ini boleh menyumbang kepada kejayaan tindakan dan mengurangkan risiko yang mungkin lebih tinggi bagi pemegang hak, tetapi pada masa yang sama sedar bahawa ada kemungkinan keistimewaan anda boleh menyebabkan kemudaratan atau mengatasi pemegang hak yang ingin disokong.

⁴ Walaupun semua orang adalah pemegang hak, Amnesty menggunakan istilah ini apabila mengadili orang yang hak asasinya pernah atau berisiko dicabuli dalam situasi tertentu (iaitu, mereka yang terjejas secara langsung oleh isu yang dikempen oleh organisasi).

PRINSIP-PRINSIP PANDUAN

6 PERSETUJUAN TERDAHULU DAN TERMAKLUM⁵

- ▶ Dapatkan persetujuan terdahulu dan termaklum daripada semua peserta yang terlibat dalam tindakan ketidakpatuhan sivil. Format persetujuan mungkin berbeza-beza bergantung pada kesegeraan perkara dan/ atau tahap risiko yang dikaitkan dengan tindakan ketidakpatuhan sivil yang dicadangkan. Jika masa dan keadaan membenarkan anda berbuat demikian, persetujuan yang diperoleh secara amnya hendaklah direkodkan secara bertulis dan disimpan dengan selamat (mengikut perundangan privasi dan amalan terbaik) oleh organisasi yang menyelaraskan tindakan tersebut. Borang persetujuan juga harus merekodkan hubungan kecemasan dan maklumat perubahan yang berkaitan untuk peserta.
- ▶ Jika kakitangan bergaji mungkin mengambil bahagian dalam tindakan ketidakpatuhan sivil bersama aktivis, beri perhatian khusus kepada dinamik kuasa dan pastikan persetujuan kekal secara sukarela dan tanpa sebarang tekanan yang jelas atau tersirat daripada rakan sebaya atau pengurus.
- ▶ Jika anda bercadang untuk membenarkan penyertaan orang di bawah umur 18 tahun, anda harus mempunyai dasar perlindungan kanak-kanak yang secara khusus melindungi mereka yang mengambil bahagian dalam tindakan ketidakpatuhan sivil, mengurangkan risiko penyertaan mereka, dan mempertimbangkan proses untuk mendapatkan persetujuan mereka selaras dengan kapasiti mereka yang berkembang.

7 LATIHAN YANG MENCUKUPI DAN SESUAI UNTUK SEMUA PESERTA

- ▶ Pertimbangkan sama ada semua mereka yang menyahut seruan untuk ketidakpatuhan sivil mempunyai akses kepada latihan yang mencukupi dan sesuai, termasuk pemerhati dan orang lain yang memainkan peranan yang berbeza. Ini boleh menjadi sebahagian daripada proses untuk mendapatkan persetujuan termaklum. Anda mungkin mahu menghalang orang tanpa latihan yang sesuai dan berkenaan daripada mengambil bahagian dalam tindakan ketidakpatuhan sivil.



⁵ Lihat lebih lanjut di bawah mengenai persetujuan terdahulu dan termaklum di bawah Langkah 3: Bersedia untuk Melaksanakan Taktik Ketidakpatuhan Sivil.

PRINSIP-PRINSIP PANDUAN

8 MENGAMBIL TANGGUNGJAWAB ATAS TINDAKAN ANDA

Organisasi harus memikul tanggungjawab atas akibat daripada tindakan ketidakpatuhan sivil dan tidak seharusnya menafikan atau melepaskan tangan selepas tindakan.

- ▶ Apabila menganjurkan, menyertai, atau memudahkan tindakan ketidakpatuhan sivil, sediakan terlebih dahulu tahap sokongan yang mungkin anda boleh tawarkan kepada peserta (termasuk sokongan kewangan dan undang-undang) dan sampaikan perkara ini dengan jelas kepada mereka.
- ▶ Sekurang-kurangnya, mempunyai rangkaian peguam pro-bono dan organisasi masyarakat sivil yang boleh membantu dengan sokongan undang-undang sebelum, semasa dan selepas tindakan adalah dinasihatkan. Jika dan di mana boleh, adalah amat berguna untuk mempunyai rangkaian sokongan yang lebih luas yang merangkumi organisasi atau kolektif yang menyediakan sokongan psikososial sebelum, semasa dan selepas tindakan ketidakpatuhan sivil, terutamanya dalam kes di mana kekerasan atau keganasan telah digunakan terhadap aktivis.
- ▶ Apabila membuat cadangan untuk tindakan ketidakpatuhan sivil, masukkan secara jelas dalam penilaian risiko sama ada anda akan atau tidak akan memberikan sokongan undang-undang dan/atau kewangan, dan jelaskan perkara ini kepada semua peserta.



📷 ↑ Kakitangan dan aktivis Amnesty Mexico memprotes di hadapan “La Glorieta de las Mujeres que Luchan” (The Roundabout of the Women Who Fight), bulatan di Mexico City yang diambil oleh gerakan feminis untuk membantah kebangkitan keganasan gender di Mexico, 2021.
© Christopher Isai Cruz Ordóñez



5 LANGKAH UNTUK PENGLIBATAN DALAM KETIDAKPATUHAN SIVIL

Berikut ialah titik permulaan untuk memikirkan pendekatan terhadap ketidakpatuhan sivil dan boleh digunakan untuk tindak balas reaktif terhadap krisis tempatan, serta pembangunan strategi proaktif.



1 MENYEDIAKAN ORGANISASI ANDA UNTUK KETIDAKPATUHAN SIVIL





2 MEMBUAT KEPUTUSAN TENTANG TAKTIK DAN KELULUSAN UNTUK KETIDAKPATUHAN SIVIL

4 MELAKSANAKAN TAKTIK KETIDAKPATUHAN SIVIL



3 BERSEDIA UNTUK MELAKSANAKAN TAKTIK KETIDAKPATUHAN SIVIL



5 SUSULAN DAN PENILAIAN



LANGKAH 1

MENYEDIAKAN ORGANISASI ANDA UNTUK KETIDAKPATUHAN SIVIL

Persediaan untuk ketidakpatuhan sivil boleh mengambil sedikit masa. Mengambil masa untuk persediaan ini adalah penting kerana tahap risiko yang berbeza berdasarkan jenis taktik tertentu. Berikut adalah beberapa cadangan pertimbangan. Pelbagai pertimbangan mungkin akan terpakai pada organisasi anda, bergantung pada saiz dan konteksnya.

DASAR

- Pastikan anda inklusif dalam proses anda dan melibatkan orang yang bertanggungjawab untuk berkempen, komunikasi, aktivisme, serta aktivis dan pemegang hak, dengan cara yang bermakna. Ini termasuk menyediakan ruang kepada aktivis dan pemegang hak untuk membuat keputusan sama ada untuk terlibat dalam ketidakpatuhan sivil, taktik dan tahap risiko tindakan tersebut.
- Pastikan semua pembuat keputusan memahami sepenuhnya semua dasar berkaitan yang diterima pakai oleh organisasi anda yang berkaitan dengan isu yang diperjuangkan dan mengikut dasar dan prosedur undang-undang sedia ada. Ini termasuk membiasakan dasar dengan aktivis dan pemegang hak yang akan menjadi sebahagian daripada proses membuat keputusan.
- Pastikan kakitangan yang berkaitan mengambil bahagian dalam taklimat dasar dan proses induksi lain untuk membiasakan diri dengan dasar dan proses, dan bertanyakan soalan.

KEPELBAGAIAN

- Apabila membuat keputusan tentang tindakan ketidakpatuhan sivil, pastikan tindakan tersebut akan memajukan matlamat kepelbagaian dalam konteks anda.
- Kaji bagaimana mengambil bahagian dalam ketidakpatuhan sivil mungkin mempengaruhi aktivis secara berbeza, dengan mengambil

kira antara lainnya, jantina, bangsa, keupayaan dan peringkat umur yang berbeza. Fikirkan juga strategi untuk terus menyokong dan melindungi aktivis dengan ciri-ciri atau identiti ini semasa tindakan ketidakpatuhan sivil.

PERKAITAN TEMPATAN

Setiap organisasi menghadapi konteks yang unik, termasuk politik tempatan dan nasional, serta landskap organisasi masyarakat sivil dan rakan sepakat. Perkaitan tempatan mengambil berat khususnya apabila ia melibatkan ketidakpatuhan sivil, kerana ia selalunya diterajui oleh orang yang terjejas secara langsung oleh pencabulan hak asasi manusia. Pastikan anda memahami sepenuhnya sejarah dan kesan ketidakpatuhan sivil di negara anda sebelum terlibat dalam tindakan ketidakpatuhan sivil.

- Buat penilaian konteks sosial, budaya dan politik tempatan anda dengan menggunakan alat analisis situasi.⁶ Pertimbangkan bagaimana pasukan keselamatan bertindak balas terhadap protes, termasuk sama ada terdapat sejarah penggunaan kekerasan yang tidak perlu atau berlebihan, sikap kerajaan terhadap pergerakan perubahan sosial dan pengalaman sejarah taktik ketidakpatuhan sivil.
- Analisis aktivis anda dan keterbukaan mereka terhadap risiko.
- Petakan semua undang-undang berkaitan yang boleh memberi kesan kepada taktik ketidakpatuhan sivil anda. Dapatkan nasihat undang-undang jika perlu.
- Berinteraksi dengan rakan kongsi, pemegang hak dan ahli komuniti yang mengetuai tindakan atau kempen tempatan mengenai isu tersebut apabila merancang tindakan ketidakpatuhan sivil.
- Rujuk bakal rakan sepakat untuk melihat sejauh mana keterbukaan mereka terhadap ketidakpatuhan sivil.

⁶ Lihat contoh dalam [Koleksi Alatan](#) dalam Lampiran B.

CONTOH MASYARAKAT DAN PEMEGANG HAK MEMIMPIN KETIDAKPATUHAN SIVIL

Ketidakpatuhan sivil telah menjadi bahagian penting dalam banyak gerakan keadilan sosial sepanjang sejarah. Terdahulu, kami menyebut **ROSA PARKS** sebagai contoh utama bagaimana ketidakpatuhan sivil mencipta perubahan semasa pergerakan hak sivil di Amerika Syarikat. Ketidakpatuhan sivil adalah sesuatu yang tumbuh secara organik daripada gerakan akar umbi yang diketuai oleh pemegang hak dan pembela hak asasi manusia. Terdapat banyak contoh ketidakpatuhan sivil tanpa keganasan yang digunakan sebagai satu bentuk penentangan di bawah penindasan kolonial yang bersejarah dan sistem penindasan semasa hari ini.

Di Indonesia, pada tahun 2016, sembilan **“WANITA KENDENG”** (pembela tanah wanita Orang Asli) membenamkan kaki mereka ke dalam bancuhan simen di luar istana Presiden sebagai membantah tanah mereka digunakan oleh syarikat simen yang beroperasi berhampiran komuniti mereka. Mereka membantah kesan kilang itu terhadap akses mereka kepada air dan bagaimana ia mengganggu akses masyarakat ke tanah mereka. Komuniti ini mempunyai sejarah panjang menentang penjajahan melalui tindakan

ketidakpatuhan sivil, seperti enggan membina jalan raya atau membayar cukai.⁷

Satu lagi contoh penting ialah gerakan sosial besar **“MOVIMENTO DOS TRABALHADORES RURAIS SEM TERRA” (MST)** yang bermula di Brazil pada tahun 1980-an. Pergerakan akar umbi ini menggunakan ketidakpatuhan sivil sebagai strategi utama dengan menduduki tanah untuk menyokong reformasi agraria dan menentang ketidaksamaan sosial pengagihan tanah yang merupakan warisan sejarah penjajahan dan perhambaan Portugis. Apabila pergerakan itu menduduki wilayah, keluarga berpindah ke tanah dan membina komuniti. Hari ini, MST menganggarkan terdapat 450,000 keluarga yang menetap di wilayah-wilayah tersebut.⁸

Kita mesti sentiasa mengingati kerja keras yang telah dilakukan oleh aktivis ini dan kepakaran mereka dalam ketidakpatuhan sivil, serta pengorbanan dan risiko yang telah mereka ambil untuk mempertahankan hak mereka. Semasa bersiap untuk terlibat dalam ketidakpatuhan sivil sebagai sebuah organisasi, kita harus melibatkan diri dengan komuniti dan pergerakan akar umbi untuk belajar dan mewujudkan perkongsian bersama.



Beberapa orang wanita membenamkan kaki mereka di dalam simen di hadapan istana negara Indonesia, 2016.
© Future Publishing

⁷ Hendri Yulis, “The Kartinis of Kendeng: using motherhood as a form of resistance”, 20 April 2016

⁸ MST, “Quem Somos”.

LANGKAH 2

MEMBUAT KEPUTUSAN TENTANG TAKTIK DAN KELULUSAN

Ketidakpatuhan sivil harus dilihat sebagai campur tangan aktif dalam politik, sosial, ekonomi atau struktur kuasa lain atau metanaratif yang mengalihkan hubungan kuasa pada masa ini dan memasukkan organisasi atau pemegang hak sebagai peserta aktif, bukannya sebagai pengulas sampingan. Ketidakpatuhan sivil berfungsi dengan campur tangan aktif dalam sistem untuk mengganggu dan mempengaruhi naratif dan sumber kuasa untuk mewujudkan persekitaran yang boleh mencapai perubahan. Strategi dan taktik ketidakpatuhan sivil yang berkesan mengganggu dan mencabar sumber kuasa ini, meningkatkan kuasa pemegang hak dan membawa kepada jalan untuk perubahan. Kemungkinan ketidakpatuhan sivil untuk membuka peluang untuk perubahan berkisar daripada mengubah sikap sasaran kempen, termasuk dengan mewujudkan kesedaran yang lebih besar di kalangan penduduk, kepada melemahkan sasaran sehingga mereka menerima perubahan, berunding, atau membuat konsesi sebagai sebahagian daripada kempen yang lebih luas.

Untuk menilai sama ada ketidakpatuhan sivil adalah taktik yang betul dan digunakan pada masa yang tepat, adalah penting untuk mempertimbangkan konteks yang lebih luas di mana kempen itu akan berlaku. Untuk ini, kita harus memastikan penyertaan aktif dan bermakna daripada semua pihak yang terlibat.

TAKTIK
jenis penglibatan untuk mencapai objektif kempen (contohnya aktivisme/ mobilisasi, melobi/advokasi, kerja media, pendidikan hak asasi manusia)

PENYERTAAN AKTIF DAN BERMAKNA

- Kenal pasti dan petakan pihak berkepentingan,⁹ termasuk pemimpin masyarakat secara individu, organisasi yang diterajui komuniti, gerakan sosial, kolektif aktivis, rangkaian belia, kumpulan masyarakat sivil berasaskan kepercayaan dan lain-lain, organisasi politik, kerajaan, dan lain-lain yang mempunyai ahli yang terjejas secara langsung oleh isu yang diketengahkan untuk memastikan bahawa pilihan anda bukan sahaja dimaklumkan oleh landskap tempatan, tetapi mengukuhkan aktivisme akar umbi dan inisiatif pembela hak asasi manusia tempatan, dan tidak membebankan atau mengatasi usaha mereka.
- Membolehkan penyertaan aktif dan bermakna dalam perancangan kempen dan membuat keputusan dari awal. Apabila peluang atau keperluan untuk ketidakpatuhan sivil muncul, adalah penting untuk berunding dengan komuniti dan pemegang hak yang terjejas secara langsung oleh isu yang diketengahkan. Seboleh-bolehnya, ikuti telunjuk komuniti yang telah mengetuai kerja ini dan pertimbangkan sebarang risiko kepada mereka yang mungkin ditimbulkan oleh sesuatu tindakan. Membina dan memupuk hubungan, dan, apabila perlu, tunggu jemputan untuk campur tangan dengan taktik ketidakpatuhan sivil.
- Pastikan bahawa tindakan ketidakpatuhan sivil anda mempunyai nilai tambah yang jelas dan khusus pada kerja yang anda dan rakan sepakat telah lakukan, dan rakan sepakat atau bakal rakan sepakat yang telah memimpin. Pastikan analisis anda termasuk penilaian tentang cara perkongsian dengan organisasi anda akan mempengaruhi rakan sepakat anda.

⁹ Lihat contoh alatan yang berkaitan [Koleksi Alatan](#) dalam Lampiran B.

LANGKAH 2

MEMBUAT KEPUTUSAN TENTANG TAKTIK DAN KELULUSAN

- ➔ Melaksanakan “latihan kecekapan budaya” supaya mereka yang terlibat dalam tindakan ketidakpatuhan sivil mempunyai keupayaan untuk berinteraksi secara berkesan dengan orang dari budaya yang berbeza daripada budaya sendiri, melalui pengetahuan dan penghayatan perbezaan budaya dan kemahiran untuk merenung bagaimana sesuatu boleh difahami secara berbeza atau mempunyai impak yang berbeza bergantung kepada konteks budaya.

STRATEGI DAN TAKTIK

- ➔ Memastikan sebarang keputusan untuk terlibat dalam tindakan ketidakpatuhan sivil adalah sebahagian daripada strategi kempen yang lebih luas.
- ➔ Mempunyai kriteria yang jelas tentang bila sesuai untuk menggunakan ketidakpatuhan sivil dan bukannya taktik yang lebih tradisional.
 - ✓ Selidik sama ada taktik ini telah digunakan sebelum ini oleh organisasi anda atau orang lain di negara ini untuk melihat cara ia berfungsi.
- ➔ Selidik taktik ketidakpatuhan sivil yang berjaya digunakan di rantau anda dan oleh pergerakan lain.
- ➔ Sebelum mereka bentuk atau memilih taktik ketidakpatuhan sivil, nilaikan siapa yang terkesan secara langsung oleh isu dalam landskap tempatan, cara ketidakpatuhan sivil boleh memberi kesan positif dan negatif kepada landskap itu, dan bagaimana tindakan anda akan mempengaruhi komuniti yang sama.
- ➔ Nilaikan risiko kepada mereka yang terlibat dalam tindakan ketidakpatuhan sivil, termasuk kemungkinan implikasi undang-undang, kemungkinan kos kewangan yang berkaitan, serta implikasi peribadi dan praktikal tindakan itu ke atas peserta (penangkapan, penahanan, rekod jenayah, akses kepada makanan, penjagaan kesihatan, air dan sanitasi, serta kesan masa depan terhadap keupayaan seseorang individu untuk mendapatkan pekerjaan atau perjalanan ke negara tertentu, atau untuk mengakses status imigresen, perumahan, pendidikan atau lain-lain faedah dari negara).
- ➔ Semasa anda mempertimbangkan jika ketidakpatuhan sivil adalah strategi yang betul, ambil kira juga cara yang berbeza di mana tindakan itu boleh memberi kesan kepada pelbagai kumpulan, dan bagaimana corak diskriminasi yang sedia ada boleh menjejaskan atau memanfaatkan mereka.
- ➔ Gunakan alat yang sesuai untuk menilai taktik yang berpotensi dan tentukan taktik yang akan anda gunakan (contohnya Matriks Impak v Usaha, Daftar Risiko dan penilaian Matriks Risiko/Faedah).¹⁰
- ➔ Menilai sama ada dan bagaimana taktik ketidakpatuhan sivil akan memberi kesan kepada perubahan dalam dasar, akauntabiliti, budaya, dan yang paling penting, perubahan dalam kehidupan orang ramai. Wujudkan rangka kerja untuk memantau dan menilai supaya anda boleh belajar dan mengasah kemahiran dan kapasiti anda untuk tindakan ketidakpatuhan sivil.

¹⁰ Lihat maklumat lanjut tentang alatan ini dalam [Koleksi Alatan](#) dalam Lampiran B.

TAKTIK LUAR KOTAK DARIPADA GERAKAN KEADILAN IKLIM GLOBAL


Dalam gerakan keadilan iklim, terdapat organisasi luar yang berfikir di luar kotak apabila ia melibatkan ketidakpatuhan sivil. **EXTINCTION REBELLION** ialah gerakan global yang telah menjadi tajuk utama menerusi usaha mereka untuk meningkatkan kesedaran tentang kecemasan iklim. Mereka mengambil tindakan untuk mendorong kerajaan untuk mengelakkan melepasi “titik tolak” perubahan iklim yang tidak dapat dipulihkan. Salah satu tindakan terbaru yang paling ketara ialah pada tahun 2022 apabila, dengan kerjasama Scientist Rebellion, mereka menyekat pintu masuk jet peribadi di beberapa lapangan terbang di seluruh dunia semasa COP27.¹¹ Mereka juga telah menggunakan taktik yang mengganggu seperti menyekat jalan raya, penentangan pasif daripada ditangkap, melekapkan diri mereka pada jalan raya, menghalang pintu masuk ke bangunan, dan banyak lagi.

Begitu juga dengan gerakan **FRIDAYS FOR FUTURE**, gerakan iklim yang kebanyakannya terdiri daripada kanak-kanak dan orang muda, sama-sama terlibat dalam taktik luar kotak. Gerakan itu bermula pada 2018 dengan kanak-kanak dan golongan muda enggan menghadiri pendidikan wajib pada hari Jumaat sebagai protes terhadap masa depan mereka yang



tidak dilindungi daripada perubahan iklim, walaupun terdapat ancaman sekatan daripada sekolah dan pihak berkuasa lain. Beberapa aktivis gerakan ini membuat bantahan di hadapan parlimen di negara masing-masing. Terdapat banyak rangkaian aktivis akar umbi yang dipimpin oleh belia yang juga menggunakan ketidakpatuhan sivil sebagai strategi utama untuk membantah kurangnya tindakan kerajaan untuk mencegah perubahan iklim.

Rasa cemas dan terdesak yang dirasai akibat krisis iklim telah memberi inspirasi kepada aktivis muda untuk mengatur tindakan yang semakin berisiko dan mempunyai lebih banyak impak dalam berita dan saluran media, untuk menjangkau khalayak yang lebih besar. Pada tahun 2022, kita telah melihat “vandalisme eko” digunakan sebagai taktik untuk mengejutkan masyarakat dan terus meningkatkan kesedaran, contohnya dengan melukis pada karya seni terkenal.¹²

 ↑ *Aktivis perubahan iklim memprotes di New York, 2019.*
© REUTERS

¹¹ Damian Gayle, “Aktivis iklim menyasarkan lapangan terbang jet peribadi dan menuntut sekatan di Cop27”, *The Guardian*, 11 November 2022.
¹² Julia Jacobo, “Aktivis iklim melempar cat ke atas lukisan ‘Tod und Leben’ oleh Gustav Klimt di muzium Vienna” November 2022.

LANGKAH 2

5 LANGKAH UNTUK PENGLIBATAN DALAM KETIDAKPATUHAN SIVIL

MEMBUAT KEPUTUSAN TENTANG TAKTIK DAN KELULUSAN

